

Pihak Orang Asli di Pos Simpoh, Kelantan Berdepan Penahanan Kemungkinan Susulan Sekatan Aman di Tanah Adat

Kuala Lumpur, 12 Februari 2026 — Greenpeace Malaysia bersolidariti bersama komuniti Orang Asli di Pos Simpoh dan menegaskan bahawa segala tindakan yang melibatkan tanah adat masyarakat Orang Asli mesti dilaksanakan melalui prinsip Izin Maklum Awal, Bebas dan Telus (IMABT), atau dikenali sebagai *Free, Prior and Informed Consent (FPIC)* daripada komuniti berkenaan. Kegagalan berterusan menghormati hak-hak Masyarakat Orang Asli dan Asal, dan Komuniti Tempatan (IPLC) telah berulang kali mencetuskan ketegangan serta peningkatan konflik di seluruh Malaysia, dan pihak berkuasa tidak boleh membiarkan keadaan ini menjadi lebih buruk.

Orang Asli di Pos Simpoh, Gua Musang kini mengekalkan sekatan aman di Bereglag dan Cerkep bagi mempertahankan tanah adat mereka. Wakil komuniti melaporkan bahawa pihak berkuasa mungkin akan bertindak hari ini untuk merobohkan struktur sekatan tersebut, sekali gus menimbulkan kebimbangan serius terhadap kemungkinan penahanan dan peningkatan ketegangan.

Greenpeace Malaysia menggesa pihak berkuasa agar segera bertindak dengan penuh kawalan dan memastikan hak serta keselamatan komuniti Orang Asli sentiasa dihormati. Sebarang tindakan penguatkuasaan tanpa perundingan yang bermakna berisiko menjejaskan pembela tanah adat Orang Asli dan seterusnya memburukkan pertikaian tanah yang telah berlarutan sekian lama.

Tindakan sedemikian juga bercanggah dengan Perisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak-Hak Masyarakat Orang Asli dan Asal (UNDRIP), yang mengiktiraf prinsip [Izin Maklum Awal, Bebas dan Telus \(IMABT\) atau FPIC](#) [1]. Di bawah Artikel 19, kerajaan mesti berunding dan bekerjasama dengan niat baik bersama masyarakat Orang Asli dan Asal melalui wakil yang mereka pilih sebelum melaksanakan sebarang langkah yang boleh memberi kesan kepada mereka. Artikel 18 turut mengiktiraf hak masyarakat Orang Asli dan Asal untuk mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan serta mengekalkan institusi mereka sendiri. Sekatan ini merupakan tindakan aman mempertahankan tanah yang berpunca daripada kebimbangan berpanjangan terhadap penebangan hutan dan perlindungan wilayah adat.

Pengurus Kempen Greenpeace Malaysia, Heng Kiah Chun berkata:

“Komuniti Orang Asli mempunyai hak untuk mempertahankan tanah adat mereka dan mesti dilibatkan secara bermakna dalam keputusan yang memberi kesan terhadap hutan, mata pencarian, dan masa depan mereka. Sebarang aktiviti di atas tanah ini mesti diteruskan hanya dengan Izin Maklum Awal, Bebas dan Telus (IMABT) atau *FPIC* daripada komuniti. Penahanan atau peningkatan ketegangan tidak akan menyelesaikan pertikaian tanah yang telah lama berlaku, sebaliknya hanya akan menimbulkan

ketidakpercayaan yang mendalam. Apa yang amat diperlukan sekarang ialah dialog segera secara niat baik bersama komuniti terlibat serta pengiktirafan rasmi terhadap tuntutan tanah adat Orang Asli.”

Greenpeace Malaysia menggesa:

- Penghentian segera semua operasi di kawasan tanah yang dipertikaikan, serta menghentikan sebarang tindakan merobohkan sekatan atau struktur komuniti;
- Dialog yang bermakna dan dilakukan dengan niat baik bersama komuniti Orang Asli yang terjejas; dan
- Pengiktirafan serta perlindungan rasmi terhadap tuntutan tanah adat.

Perkembangan terkini di Pulau Carey, Selangor, serta penahanan [21 Orang Asli di Pahang yang kemudiannya dibebaskan](#) [2], menunjukkan bagaimana pertikaian tanah melibatkan masyarakat Orang Asli boleh meningkat apabila penglibatan IPLC dan penghormatan terhadap prinsip FPIC tidak diutamakan.

Greenpeace Malaysia menyatakan solidariti bersama komuniti Pos Simpor dan akan terus memantau perkembangan ini dengan rapat, sambil mengulangi keperluan untuk bertindak secara terkawal serta melaksanakan dialog yang bermakna bagi menyelesaikan pertikaian ini. Penyelesaian yang adil dan berkekalan hanya dapat dicapai melalui penglibatan secara niat baik, penghormatan sepenuhnya terhadap hak masyarakat Orang Asli, serta pematuhan tegas terhadap kewajipan hak asasi manusia di peringkat nasional dan antarabangsa.

- TAMAT -

Sumber:

[1]https://www.un.org/development/desa/Indigenouspeoples/wp-content/uploads/sites/19/2018/11/UND RIP_E_web.pdf

[2]<https://www.malaysiakini.com/news/767898>